



04 DEC, 2021

## Jual barang tanpa orang tengah

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Jual barang tanpa orang tengah

'Melaka Agro Market' di 50 lokasi bantu rakyat dapatkan barang dengan harga murah

### MELAKA

Program 'Melaka Agro Market' dapat membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga lebih murah, kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Beliau berkata, menerusi program berkenaan, petani akan memasarkan barangan mereka terus kepada pengguna tanpa khidmat orang tengah, sekali gus membantu mengurangkan harga barangan di pasaran.

"Program ini akan diadakan



-FOTO: BERNAMEA

Abdul Razak (kiri) melihat barangan keperluan harian yang dijual semasa meninjau program 'Melaka Agro Market' di Kampung Tun Razak dekat Bukit Katil pada Jumaat.

di 50 lokasi strategik di sekitar Melaka pada setiap minggu, cuma lokasinya berubah-ubah. Walaupun berskala kecil namun ia memberi kesan amat besar kepada pengguna dari segi mengurangkan kos sara hidup.

"Contohnya, kangkung biasa dijual RM6 seikat tapi hari ini kita dapat beli dengan harga RM2 sahaja," katanya kepada pemberita selepas meninjau program 'Melaka Agro Market' di Kampung Tun Razak, Bukit Katil di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka, Hairudin Yunos.

Sebanyak 12 peserta terdiri daripada usahawan dan peniaga mengambil bahagian untuk memasarkan barangan jualan mereka di bawah program berkenaan bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Antara barangan dijual termasuk produk Agromas, buah-buahan dan sayur-sayuran serta bahan mentah. - *Bernama*



04 DEC, 2021

## Jual barang tanpa orang tengah

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

'Melaka Agro Market di 50 lokasi bantu rakyat dapatkan barang dengan harga murah Program 'Melaka Agro Market' dapat membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan harian dengan harga lebih murah, kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman. Beliau berkata, menerusi program berkenaan, petani akan memasarkan barangan mereka terus kepada pengguna tanpa khidmat orang tengah, sekali gus membantu mengurangkan harga barangan di pasaran.